

20 OCT 2001

Kayveas-Projek

386 PROJEK TERBENGGALAI DIGERAKKAN SEMULA, KATA KAYVEAS

MENTAKAB, 20 Okt (Bernama) -- Kerajaan telah menggerakkan semula 386 daripada 514 projek perumahan yang terbengkalai sejak tiga tahun walaupun menghadapi kelembapan ekonomi, kata Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan Datuk M. Kayveas.

Beliau berkata 112 projek dijalankan semula sementara selebih 16 projek tidak dapat dibangunkan semula.

Projek-projek itu dapat dibangunkan semula dengan kerjasama pemilik tanah, pemaju dan bank, kata beliau kepada Bernama selepas merasmikan Malam Kebudayaan Sekolah Tamil Mentakab.

Beliau berkata kerajaan memang serius untuk menggerakkan semula projek perumahan yang terbengkalai di negara ini dan mengatasi masalah yang dihadapi oleh pembeli rumah berkenaan.

Akta Pemaju Perumahan yang dipinda mempunyai peruntukan yang luas untuk mengatasi masalah pembeli rumah dan pemaju yang degil.

Kayveas juga berkata sebuah Jawatankuasa Khas yang diketuai oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah ditubuhkan bagi merealisasikan wawasan kerajaan mencapai status setinggan sifar pada 2005.

Beliau berkata langkah itu menunjukkan kesungguhan kerajaan untuk menyediakan perumahan yang mencukupi kepada rakyat.

Ketika ditanya mengenai kemungkinan menggerakkan semula projek Taman Chengal di Tanjung Lalang, Temerloh, Kayveas berkata beliau akan mengkaji perkara itu.

Katanya, beliau tidak keberatan untuk mengambil tindakan terhadap pihak-pihak yang terbabit memandangkan projek itu telah terbengkalai selama lebih 20 tahun.

-- BERNAMA

RD AFY TS FAZ